

KL, Bangkok perkukuh keakraban

Abdullah, Surayud rangka strategi selesaikan isu politik, keselamatan

Oleh M Thillinadan

LAWATAN tiga hari Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Thailand, bermula esok dilihat masa paling sesuai dan peluang terbaik bagi menyelesaikan pelbagai isu bersama yang dihadapi kedua-dua negara bersempadan, khususnya masa depan wilayah bergolak di Selatan Thailand.

Lawatan Abdullah ketika kedua-dua negara menyambut ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik, dijangka mengukuhkan lagi persefahaman dan persahabatan yang sudah kekal lama. Kedua-dua pemimpin dijangka menggunakan peluang ini bukan saja menyelesaikan pelbagai masalah bersama tetapi juga meletak batu asas kukuh supaya hubungan diplomatik itu terus berkekalan, walaupun ada isu dari semasa ke semasa.

Mengetuai senarai kepentingan agenda Perdana Menteri ialah kerjasama untuk mengembalikan keamanan di Selatan Thailand, khususnya isu keamanan berkekalan, dua kewarganegaraan, pelarian, penyeludupan, pembinaan tembok sempadan dan Strategi Pembangunan Bersama di Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Lawatan Abdullah juga susulan permintaan Surayud ketika pertemuan pertama mereka di Kuala Lumpur, Oktober tahun lalu, supaya beliau memainkan peranan lebih besar dalam mengatasi keganasan dan ketegangan di selatan negaranya, bukan saja dalam konteks Asean dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), tetapi sebagai pemimpin negara jiran yang prihatin terhadap isu bersama mereka.

Abdullah dan rakan sejawatannya, Surayud Chulanont, akan memulakan usaha ke arah itu dengan mengadakan perbincangan tidak rasmi di Phuket, esok, diikuti lawatan rasmi dan perbincangan formal di Bangkok pada Isnin.

Perdana Menteri juga akan menghadap Raja Bhumipol Adulyadej di Istana Dusit pada hari sama.

Malaysia melihat keadaan politik di Thailand khususnya pendirian dan pendekatan kerajaan baru pimpinan Surayud terhadap selatan Thailand, yang lebih bersikap terbuka dengan mengutamakan rundingan daripada penggunaan kekerasan seperti era Thaksin Shinawatra, sesuai untuk menyelesaikan konflik berpanjangan itu.

Menteri Luar, Syed Hamid Albar berkata, Malaysia sedia membantu Thailand menye-

INTI PATI

Isu bersama Malaysia, Thailand

- Wilayah selatan merangkumi Yala, Narathiwat dan Pattani menyaksikan pertumpahan darah sejak Peristiwa Takbai pada 2004. Sehingga sekarang lebih 1,800 orang terbunuh berikutan peningkatan gerakan pemisah akibat daripada peristiwa berkenaan.
- Kuala Lumpur mahu Thailand berdialog secara terus dengan pemimpin wilayah dan pemisah, disusuli dengan pelbagai rancangan pembangunan di kawasan itu yang disifatkan mundur berbanding bahagian lain di Thailand.
- Kedua-dua Perdana Menteri dijangka membincangkan rangka kerja strategik untuk membangunkan infrastruktur khusus bagi penduduk sempadan kedua-dua negara dan rangka kerja pembangunan modal insan di kawasan sempadan terbabit dalam konteks IMT-GT.
- Turut dijangka menarik minat kedua-dua pemimpin itu ialah pembinaan tembok sempadan berikutan rancangan Thailand menyambung tembok keselamatan sepanjang 27 kilometer di daerah Betong, Yala, manakala Malaysia mahu membina pagar sepanjang 11.5 kilometer di sepanjang sempadan antara Narathiwat dan Kelantan dalam usaha mengekang gerakan pemberontak, kemasukan pendatang tanpa izin

lesaikan konflik di wilayah itu kerana mengiktiraf kerajaan sementara Surayud nampak lebih serius untuk mencari penyelesaian berkekalan.

Wilayah selatan merangkumi Yala, Narathiwat dan Pattani menyaksikan pertumpahan darah sejak Peristiwa Takbai pada 2004. Sehingga sekarang lebih 1,800 orang terbunuh di ketiga-tiga wilayah itu berikutan peningkatan gerakan pemisah akibat daripada peristiwa berkenaan.

Keputusan kerajaan sementara meminta maaf secara terbuka kepada penduduk Islam selatan Thailand atas Peristiwa Takbai

dan pengumuman tidak akan mendakwa 92 penduduk Muslim yang ditahan dalam demonstrasi itu serta pengakuan terbuka pergolakan berlaku akibat kesilapan kerajaan dan pendekatan Thaksin, dilihat penduduk di ketiga-tiga wilayah selatan negara sebagai usaha serius kerajaan untuk mengatasi isu keselamatan dan ketidakadilan yang terpaksa ditanggung mereka selama ini.

"Pada masa lalu, kerajaan menggunakan dasar yang kasar di selatan Thailand. Saya berjanji akan menggunakan pendekatan aman untuk menyelesaikan masalah di sini," kata Surayud kepada kira-kira 1,000 umat Islam di Pattani, baru-baru ini.

Kuala Lumpur mahu menggunakan peluang ini untuk mendesak Thailand supaya berdialog secara terus dengan pemimpin wilayah dan pemisah, disusuli dengan pelbagai rancangan pembangunan di kawasan itu yang disifatkan mundur berbanding bahagian lain di Thailand.

Malaysia juga mahu pemulihan keadaan keselamatan dan keamanan berkekalan di Yala, Narathiwat dan Pattani, yang dilihat sering menjadi duri dalam daging dalam hubungan dua hala kedua-dua negara, selain isu dua kewarganegaraan yang menurut Thailand memudahkan kumpulan pemberontak melarikan serangan di negara itu dan bersembunyi di Malaysia, diselesaikan segera untuk kepentingan bersama.

Selain isu keselamatan, kedua-dua Perdana Menteri juga dijangka membincangkan rangka kerja strategik untuk membangunkan infrastruktur khusus bagi penduduk sempadan kedua-dua negara dan rangka kerja pembangunan modal insan di kawasan sempadan terbabit dalam konteks IMT-GT.

(Difahamkan, jawatankuasa kecil yang ditubuhkan pada peringkat Jawatankuasa Sempadan Am (GBC) supaya mencadangkan beberapa projek pembangunan di sempadan untuk kepentingan penduduk kedua-dua negara.)

Turut dijangka menarik minat kedua-dua pemimpin itu ialah pembinaan tembok sempadan berikutan rancangan Thailand menyambung tembok keselamatan sepanjang 27 kilometer di daerah Betong, Yala, manakala Malaysia mahu membina pagar sepanjang 11.5 kilometer di sepanjang sempadan antara Narathiwat dan Kelantan dalam usaha mengekang gerakan pemberontak, kemasukan pendatang tanpa izin, mencegah kegiatan penyeludupan khususnya dadah dan senjata api.

Bagaimanapun, Syed Hamid dilaporkan berkata Malaysia perlu berbincang dengan Thailand berhubung impak sosial dan ekonomi terhadap cadangan pembinaan tembok keselamatannya di Yala.

Pada masa ini, kedua-dua negara membina pagar sempadan sepanjang tiga kilometer antara bandar sempadan Sadao dan Padang Besar di Malaysia.

Surayud dan Abdullah juga dijangka menyentuh isu 130 warga Thailand yang melarikan diri ke Malaysia pada 2003 kerana bimbang keselamatan mereka.

Walaupun beberapa rundingan sudah diadakan sebelum ini, kedua-dua kerajaan bersetuju menyerahkan keputusan pelarian terbabit sementara rundingan terus diadakan.

Tidak ketinggalan isu tomyam - dakwaan restoran tomyam di Malaysia memberi sokongan kewangan kepada gerakan pemisah. Isu itu dibincang ketika lawatan Surayud tahun lalu dan kedua-dua pemimpin memutuskan ia diselesaikan tanpa menjejaskan hubungan dua hala.

Surayud juga dijangka mengemukakan pelannya untuk wilayah selatan - strategi pelbagai hala termasuk meningkatkan hubungan/dialog antara pemimpin kerajaan dengan pemimpin tempatan, sensitif untuk umat Islam di selatan menyertai pentadbiran kerajaan, berhubung penggunaan undang-undang Islam, program pembangunan ekonomi dan pendidikan - sebagai penyelesaian berkekalan pergolakan di wilayah itu.

Bagaimanapun, tidak diketahui sama ada Thailand akan mengemukakan permohonan rasmi kepada Malaysia untuk bertindak sebagai pengantara dalam perbincangan dengan puak pemisah walaupun bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya mengatur rundingan antara mereka dengan pegawai Kerajaan Thailand sebelum ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata kerajaan tidak terbabit dalam rundingan itu tetapi sedia menjadi orang tengah jika menerima undangan Kerajaan Thailand.

Walaupun kerajaan Malaysia berpendirian ia tidak boleh mencampuri urusan dalaman Thailand, ramai pihak termasuk kumpulan pemisah dan pemimpin wilayah selatan negara itu percaya Malaysia boleh memainkan peranannya berikutan keakraban hubungan dengan Kerajaan Thailand, selain sensitif terhadap nasib umat Islam di wilayah berkenaan.